



## KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA  
17 SEPTEMBER 2015**

---

### PERKEMBANGAN TERKINI OPERASI PEMBENIHAN AWAN

---

Operasi Pembenhian Awan (OPA) hari ini yang dijalankan di sekitar kawasan Negeri Melaka, Utara Johor dan Negeri Sembilan telah berjaya menghasilkan hujan di kebanyakan kawasan di mana operasi dijalankan. Operasi telah bermula pada jam 1.05 tengah hari dan berakhir pada pukul 3.15 petang.

Bagi negeri Sarawak, OPA tidak dapat dijalankan hari ini kerana faktor cuaca dan juga keselamatan penerbangan. Tinjauan cuaca di Sarawak terutamanya di Bahagian Kuching, Samarahan dan Sri Aman menunjukkan keadaan atmosfera yang kering dan stabil yang tidak menggalakkan pertumbuhan awan. Selain daripada itu, jarak penglihatan yang dicerap sejak 6.30 pagi tadi merosot kepada 200 m berbanding dengan semalam. Jarak ini berbahaya untuk aktiviti pelepasan dan juga pendaratan kapal terbang. Oleh sebab itu, OPA di Kuching untuk hari ini terpaksa dibatalkan.

Datuk Madius Tangau  
Menteri Sains Teknologi dan Inovasi